

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang Akademik 1994/95

Mei/Jun 1995

JKA 512 - Keetnikan dan Ras

Masa: [3 jam]

ARAHAN

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab soalan 1 (WAJIB) daripada Bahagian A, SATU soalan daripada Bahagian B dan SATU soalan daripada Bahagian C.

BAHAGIAN A (40 markah)

1. Secara ringkas huraikan konsep-konsep berikut:

- (a) Kumpulan ras.
- (b) Prasangka.
- (c) Bentuk-bentuk diskriminasi.

(40 markah)

BAHAGIAN B (30 markah)

Jawab SATU soalan daripada bahagian ini.

2. Mengikut sarjana-sarjana sosiologi, pendekatan undang-undang bukanlah satu-satunya langkah ke arah mengurangkan prasangka dan diskriminasi. Bincangkan.

(30 markah)

3. Bincangkan perbezaan di antara sistem kelas moden dan sistem stratifikasi ras dan etnik.

(30 markah)

BAHAGIAN C (30 markah)

Jawab SATU soalan daripada bahagian ini.

4. Nyatakan langkah-langkah yang dicadangkan oleh ahli-ahli sosiologi dalam usaha memupuk hubungan antara etnik. Bincangkan langkah manakah yang sesuai untuk digunakan di Malaysia.

(30 markah)

5. Kewujudan masyarakat pelbagai etnik di kebanyakan negara membangun adalah disebabkan oleh peranan penjajahan Barat. Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada persejarahan pembentukan masyarakat majmuk di Malaysia.

(30 markah)

6. Bincangkan ketepatan teori masyarakat majmuk dengan fenomena masyarakat pelbagai etnik di Malaysia.

(30 markah)

oooOooo